

Terus ke Wad 2 *jika ada kecemasan*

Bahagian kecemasan Hospital Banting dipindah sementara bagi kerja-kerja penambahbaikan

BANTING - Bahagian kecemasan di Hospital Banting bakal beroperasi di Wad 2 bermula 1 Mac hingga 20 Mac ini bagi memberi laluan kepada kerja-kerja penambahbaikan demi keselesaan pelanggan.

Pengerusi Ahli Lembaga Pelawat (ALP) Hospital Banting, Abdul Razak Khasbollah berkata, pelanggan yang ingin mendapatkan perkhidmatan di bahagian kecemasan selepas ini bolehlah terus ke Wad 2 bagi melancarkan urusan mereka.

Menurutnya, pemindahan sementara itu turut memberi laluan kepada pembinaan bangunan tambahan bahagian kecemasan yang menerima peruntukan sebanyak RM500,000 daripada Kementerian Kesihatan



Sebahagian ahli mesyuarat Bilangan 1/17 di Pejabat Pentadbiran Hospital Banting membincangkan hal ehwal hospital.

untuk projek naik taraf.

"Bagaimanapun projek naik taraf bangunan tambahan itu dijangka siap dalam tempoh sebulan.

"Pelanggan diharap peka dengan makluman pihak hospital terutama yang hendak berurusan dengan bahagian kecemasan supaya dapat me-

lancarkan urusan pelanggan nanti," katanya kepada *Sinar Harian* selepas mempengerusikan Mesyuarat Bilangan 1/17 di Pejabat Pentadbiran

Hospital Banting.

Mengulas mengenai laluan khas ambulans yang baru beroperasi awal tahun ini, beliau memaklumkan,

buat masa ini operasi keluar masuk ambulans berjalan lancar apabila laluan susur keluar yang dimohon kepada Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Kuala Langat sudah dibuka.

Abdul Razak turut berterima kasih kepada bekas Ketua Polis Daerah Kuala Langat, Superintendan Zailan Tasir yang membenarkan laluan tersebut dibuka dan dilalui ambulans bagi melancarkan perjalanan urusan pesakit kecemasan.

"Saya fikir kerjasama ini membantu pelbagai pihak sekali gus memudahkan urusan penghantaran dan membawa pesakit. Bagaimanapun saya harap masyarakat juga peka dengan perjalanan ambulans," katanya.